



NOTA PENTING:

Helaian Penerangan Produk menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda sertai sijil takaful perubatan terbaik yang memenuhi keperluan anda. Anda perlu membaca Sijil dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH
LANJUT



Langkah 1

Adakah sijil takaful ini tepat untuk anda?

Sijil takaful ini melindungi penghospitalan dan perbelanjaan pembedahan ("H&S") yang berlaku akibat penyakit yang dilindungi di bawah sijil sehingga 85 tahun hari lahir akan datang ("ANB").

Caruman takaful anda akan digabungkan dengan caruman peserta takaful yang lain untuk membayar tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan yang dibayar dari Tabung Takaful adalah tinggi, caruman takaful bagi setiap peserta dalam Tabung Takaful yang sama mungkin dinaikkan, termasuk caruman takaful anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan**.

Langkah 2

Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apakah yang dilindungi?

- ✓ Bilik & Penginapan Hospital : RM[Bilik & Penginapan pilihan anda]
- ✓ Perbelanjaan Pembedahan : Seperti yang dicaj, tertakluk kepada RM[2,000/3,000] Deduktibel untuk mana-mana satu keilatan
- ✓ Rawatan Kanser Pesakit Luar : Seperti yang dicaj
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar : Seperti yang dicaj

Manfaat yang dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- ✓ Had tahunan : RM[Had tahunan]
- ✓ Had seumur hidup : Tiada had seumur hidup

Apakah yang tidak dilindungi?

- ✗ Sebarang tuntutan akibat penyakit sedia ada.
- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit tertentu yang berlaku dalam 120 hari pertama perlindungan berterusan.
- ✗ Kehamilan atau melahirkan anak.
- ✗ Sebarang jagaan atau rawatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas dan rujuk kepada Sijil bagi maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Langkah 3

Apakah perkara lain yang anda perlu beri perhatian?

- Anda mesti menjawab soalan yang ditanya oleh kami dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan dalam mengambil perjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatian sijil anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil sijil takaful ini dalam tempoh 15 hari selepas sijil ini dihantarkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil anda dan menerima bayaran balik penuh (tolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian, bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu. Bagi penyakit tertentu, perlindungan anda hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh kuat kuasa atau kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian.
- Yuran pengurusan¹ yang anda perlu bayar adalah RM[35% daripada caruman anda] atau 35% daripada caruman takaful tahunan, yang diperuntukkan sepenuhnya kepada perbelanjaan pentadbiran. Butiran keseluruhan boleh didapati di dalam jadual Caruman Takaful, Yuran & Caj di dalam Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas.

¹Angka-angka ini adalah berdasarkan caruman takaful semasa pada umur dicapai.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

Helaian Penerangan Produk

MediKad

KAOTIM

Langkah 4

Sudahkah anda pertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

	Produk Disyorkan MediKad [Pelan pilihan anda]	Pilihan Produk Alternatif	
		Pilihan 1 myMediShare [Pelan]	Pilihan 2 myMediShare [Pelan]
Caruman Takaful Tahunan	RM[caruman anda]	RM[caruman Pilihan 1] Caruman takaful tahunan adalah [lebih rendah/lebih tinggi] sebanyak RM[caruman anda - caruman pilihan 1]	RM[caruman Pilihan 2] Caruman takaful tahunan adalah [lebih rendah/lebih tinggi] sebanyak RM[caruman anda - caruman pilihan 2]
Jenis	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai
Tempoh Perlindungan	Sehingga 85 ANB Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak terjamin	Sehingga 85 ANB Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak terjamin	Sehingga 85 ANB Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak terjamin
Ko-Takaful ² / Deduktibel ³	[N/A; atau Deduktibel: RM 2,000 / 3,000 setiap keilatan]	Ko-Takaful: [5/10]% sehingga RM[500/1,000], setiap tahun sijil	Ko-Takaful: [5/10]% sehingga RM[500/1,000], setiap tahun sijil
Bilik & Penginapan Hospital	RM[Bilik & Penginapan pilihan anda] setiap hari	RM[Bilik & Penginapan] setiap hari	RM[Bilik & Penginapan] setiap hari
Yuran Pembedahan ⁴	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Had Tahunan ⁵	RM[Had tahunan]	RM[Had tahunan]	RM[Had tahunan]
Had Sepanjang Hayat ⁶	Tiada had sepanjang hayat	Tiada had sepanjang hayat	Tiada had sepanjang hayat

² **Ko-Takaful:** Peratus tetap daripada caj perubatan yang anda perlu bayar. Contohnya, 5% Ko-Takaful bermakna anda hanya perlu bayar 5% daripada bil perubatan terhad kepada RM500 bagi setiap tahun sijil, dan kami akan menanggung bakinya.

³ **Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar bagi setiap satu keilatan sebelum kami membayar mana-mana manfaat di bawah pelan ini. Contohnya, RM3,000 deduktibel bermakna anda perlu membayar RM3,000 daripada poket anda sendiri dan kami akan bayar bakinya (terhad kepada had yang berkaitan).

⁴ **Yuran Pembedahan:** Ini adalah tertakluk kepada Ko-Takaful/Deduktibel.

⁵ **Had tahunan:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntut dalam setahun.

⁶ **Had seumur hidup:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntut sepanjang tempoh perlindungan.



Sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR untuk manfaat yang tidak tertakluk kepada bayaran bersama.

Jadual ini tidak memaparkan kesemua ciri-ciri produk yang dibandingkan. Sila rujuk kepada pihak kami/wakil jualan anda untuk maklumat lebih lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk-produk ini.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

Saya sudah membaca dan memahami informasi penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

* Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

Nama: [Nama anda]

Tarikh: [Tarikh]

⚠ Sila baca Lampiran ini dengan teliti.

Isi Kandungan

	Halaman
Konsep Syariah.....	1
Jadual Manfaat.....	2
Caruman Takaful, Yuran & Caj	3
Terma & Syarat Utama.....	3
Pertanyaan.....	4

► Konsep Syariah

Pelan ini adalah produk patuh **Syariah** dengan konsep-konsep Syariah berikut:



Tabarru'

Derma untuk tujuan kebajikan.

Di bawah pelan ini, anda menderma suatu amaun daripada caruman takaful ke dalam Tabung Takaful, untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam Tabung Takaful.



Wakalah

Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah.

Di bawah pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran pengurusan.



Qard

Pinjaman tanpa sebarang faedah.

Di bawah pelan ini, kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Tabung Takaful tanpa faedah sekiranya tabung tersebut mengalami defisit untuk membayar tuntutan.



Hibah

Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan.

Di bawah pelan ini, manfaat yang akan dibayar dari Tabung Takaful adalah berdasarkan Hibah.

► Jadual Manfaat

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat [pelan pilihan anda]
Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian		
1.	Bilik dan Penginapan Harian di Hospital <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM[Bilik & Penginapan]
2.	Unit Rawatan Rapi <i>(Maksimum 60 hari bagi mana-mana satu keilatan)</i>	
3.	Yuran Pembedahan	
4.	Yuran Pakar Bius	
5.	Bilik Bedah	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada deduktibel (jika berkenaan)
6.	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	
7.	Lawatan Pakar Perubatan dan Pakar Dalam Hospital	
8.	Yuran Ambulans	
9.	Pembedahan Harian	
10.	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM100
Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar		
11.	Manfaat Sebelum Penghospitalan <i>(Dalam 60 hari sebelum penghospitalan)</i>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada deduktibel (jika berkenaan)
12.	Manfaat Selepas Penghospitalan <i>(Dalam 90 hari selepas pelepasan)</i>	
13.	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan <i>(Maksimum 60 hari daripada tarikh kemalangan)</i>	
14.	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
15.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
Had Tahunan Keseluruhan (untuk Bahagian A & B)		RM[Had Tahunan]

Nota:

- Semua manfaat adalah seperti yang dicaj berdasarkan caj yang munasabah dan lazim di Malaysia, tertakluk kepada deduktibel dan had tahunan keseluruhan. Tiada had seumur hidup dikenakan.
- Terdapat deduktibel sebanyak RM[deduktibel pilihan anda], yang merujuk kepada jumlah tetap yang anda perlu bayar untuk mana-mana satu keilatan sebelum mana-mana manfaat dibayar oleh kami.



Deduktibel tersebut akan **dikecualikan** sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke atau mendapatkan rawatan di mana-mana Hospital Kerajaan di Malaysia.

► Caruman Takaful, Yuran & Caj

Caruman takaful yang anda perlu bayar di bawah pelan ini berbeza berdasarkan umur dicapai orang yang dilindungi. Sila rujuk butiran jumlah caruman takaful [bulanan/tahunan] untuk orang yang dilindungi di bawah:

Umur Dicapai (Hari Lahir Akan Datang)	Jumlah Caruman Takaful (RM)	Yuran Pengurusan (RM)
[umur]	[caruman anda]	[35% daripada caruman anda]

[Caruman adalah berdasarkan umur dicapai orang yang dilindungi dan pelan yang dipilih. Sila rujuk jadual caruman.]

- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara tahunan atau bulanan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran bulanan akan lebih tinggi daripada jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran tahunan.
- Caruman takaful tambahan boleh dikenakan bergantung kepada pekerjaan dan keadaan kesihatan orang yang dilindungi.
- Caruman takaful yang dibayar setelah ditolak yuran pengurusan akan dianggap sebagai Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam Tabung Takaful. Tabarru' berbeza bergantung kepada umur dicapai dan jantina orang yang dilindungi.



Caruman takaful adalah tidak dijamin. Caruman takaful mungkin diselaraskan berdasarkan portfolio dengan mengambil kira inflasi perubatan dan sebarang faktor lain yang boleh menjelaskan kemampuan portfolio secara material. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum sebarang penyelesaian caruman takaful.

► Terma & Syarat Utama

Tempoh

Anda mempunyai 30 hari dari tarikh pembayaran caruman takaful (termasuk) untuk membayar setiap caruman takaful yang perlu dibayar. Sekiranya caruman takaful tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful.

Kuat Kuasa Semula

Sekiranya sijil anda telah luput akibat caruman takaful tidak dibayar, anda boleh menguat kuasa semula sijil tersebut pada bila-bila masa dalam 1 tahun dari tarikh luput, tertakluk kepada syarat-syarat kami.

Serahan

Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari kalender, anda berhak untuk mendapat sebahagian daripada bayaran balik caruman takaful seperti yang ditentukan oleh kami dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk tahun sijil semasa. Bahagian bayaran balik caruman takaful ialah 75% daripada jumlah caruman takaful, berdasarkan kepada umur dicapai anda semasa penyerahan dan berkadar dengan baki tempoh perlindungan.

Naik Taraf Bilik dan Penginapan

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital di bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada had manfaat bilik dan penginapan beliau, peserta perlu membayar perbezaan dalam caj bilik dan penginapan dan had tersebut.

Lain-lain

- a) Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas permohonan berjaya dan caruman takaful pertama telah dibuat. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan dalam e-Sijil anda yang akan anda terima serta-merta.
- b) Untuk memastikan perlindungan berterusan di bawah sijil anda, caruman takaful anda akan ditolak secara automatik daripada kad debit / kredit yang anda pilih berdasarkan mod pembayaran caruman takaful yang telah anda pilih.
- c) Resit akan dikeluarkan untuk caruman takaful yang dibuat ke alamat e-mel anda seperti yang didaftarkan dengan kami. Adalah penting untuk anda menyimpan resit tersebut sebagai bukti pembayaran caruman takaful.
- d) Sekiranya insiden berlaku yang menyebabkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dengan segera. Anda boleh merujuk prosedur tuntutan dalam Sijil.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

► Pertanyaan

Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal *myTakaful Customer* atau memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Sila rujuk laman web kami di www.kaotim.my. atau sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk Takaful Perubatan & Kesihatan, sila hubungi Takaful Malaysia di:

Unit Khidmat Pelanggan Kaotim

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089(131646-K)]
Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

1-300 88 2525

hello@kaotim.my



NOTA PENTING:

**PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG.
ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGİ OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Pelan ini diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] ('Takaful Malaysia') adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan produk ini adalah berkuat kuasa pada Mei 2025.

Lampiran Helaian Penerangan Produk

MediKad

KAOTIM

Caruman Tahunan untuk MediKad

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	607.00	613.00	727.00	527.00	533.00	590.00
11 - 15	486.00	491.00	583.00	413.00	418.00	483.00
16 - 20	586.00	591.00	683.00	507.00	513.00	592.00
21 - 25	562.00	623.00	691.00	476.00	530.00	615.00
26 - 30	537.00	598.00	659.00	504.00	560.00	651.00
31 - 35	545.00	605.00	757.00	586.00	651.00	780.00
36 - 40	655.00	727.00	788.00	658.00	731.00	878.00
41 - 45	761.00	846.00	1,019.00	849.00	943.00	1,130.00
46 - 50	1,081.00	1,202.00	1,301.00	1,107.00	1,230.00	1,469.00
51 - 55	1,261.00	1,401.00	1,564.00	1,316.00	1,463.00	1,795.00
56 - 59	1,697.00	1,887.00	2,055.00	1,773.00	1,970.00	2,317.00
60 - 64	2,762.00	3,069.00	3,524.00	2,970.00	3,301.00	3,612.00
65 - 69	4,505.00	5,300.00	6,078.00	4,341.00	5,107.00	6,274.00
70 - 74	5,353.00	6,690.00	8,113.00	5,767.00	7,209.00	8,327.00
75 - 79	6,856.00	9,793.00	11,603.00	6,710.00	9,584.00	11,348.00
80 - 85	9,455.00	11,819.00	14,334.00	9,254.00	11,569.00	14,019.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 20% dan 30% akan terpakai untuk Deduktibel RM2,000 dan RM3,000.

Caruman Bulanan untuk MediKad

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	55.84	56.40	66.88	48.48	49.04	54.28
11 - 15	44.71	45.17	53.64	38.00	38.46	44.44
16 - 20	53.91	54.37	62.84	46.64	47.20	54.46
21 - 25	51.70	57.32	63.57	43.79	48.76	56.58
26 - 30	49.40	55.02	60.63	46.37	51.52	59.89
31 - 35	50.14	55.66	69.64	53.91	59.89	71.76
36 - 40	60.26	66.88	72.50	60.54	67.25	80.78
41 - 45	70.01	77.83	93.75	78.11	86.76	103.96
46 - 50	99.45	110.58	119.69	101.84	113.16	135.15
51 - 55	116.01	128.89	143.89	121.07	134.60	165.14
56 - 59	156.12	173.60	189.06	163.12	181.24	213.16
60 - 64	254.10	282.35	324.21	273.24	303.69	332.30
65 - 69	414.46	487.60	559.18	399.37	469.84	577.21
70 - 74	492.48	615.48	746.40	530.56	663.23	766.08
75 - 79	630.75	900.96	1,067.48	617.32	881.73	1,044.02
80 - 85	869.86	1,087.35	1,318.73	851.37	1,064.35	1,289.75

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 20% dan 30% akan terpakai untuk Deduktibel RM2,000 dan RM3,000.

Caruman Tahunan untuk MediBooster

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	181.00	168.00	158.00	162.00	150.00	142.00
11 - 15	146.00	135.00	128.00	133.00	123.00	116.00
16 - 20	171.00	158.00	150.00	162.00	150.00	142.00
21 - 25	172.00	159.00	151.00	170.00	157.00	149.00
26 - 30	172.00	159.00	151.00	170.00	157.00	149.00
31 - 35	198.00	183.00	173.00	204.00	189.00	178.00
36 - 40	207.00	191.00	181.00	230.00	213.00	202.00
41 - 45	266.00	247.00	233.00	296.00	274.00	259.00
46 - 50	341.00	315.00	298.00	384.00	356.00	337.00
51 - 55	409.00	379.00	358.00	470.00	435.00	411.00
56 - 59	537.00	497.00	470.00	606.00	560.00	530.00
60 - 64	921.00	852.00	806.00	944.00	874.00	826.00
65 - 69	1,588.00	1,469.00	1,389.00	1,639.00	1,517.00	1,434.00
70 - 74	2,120.00	1,961.00	1,855.00	2,176.00	2,013.00	1,904.00
75 - 79	3,032.00	2,805.00	2,653.00	2,965.00	2,743.00	2,595.00
80 - 85	3,745.00	3,464.00	3,277.00	3,663.00	3,388.00	3,205.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.

Caruman Bulanan untuk MediBooster

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	16.65	15.46	14.54	14.90	13.80	13.06
11 - 15	13.43	12.42	11.78	12.24	11.32	10.67
16 - 20	15.73	14.54	13.80	14.90	13.80	13.06
21 - 25	15.82	14.63	13.89	15.64	14.44	13.71
26 - 30	15.82	14.63	13.89	15.64	14.44	13.71
31 - 35	18.22	16.84	15.92	18.77	17.39	16.38
36 - 40	19.04	17.57	16.65	21.16	19.60	18.58
41 - 45	24.47	22.72	21.44	27.23	25.21	23.83
46 - 50	31.37	28.98	27.42	35.33	32.75	31.00
51 - 55	37.63	34.87	32.94	43.24	40.02	37.81
56 - 59	49.40	45.72	43.24	55.75	51.52	48.76
60 - 64	84.73	78.38	74.15	86.85	80.41	75.99
65 - 69	146.10	135.15	127.79	150.79	139.56	131.93
70 - 74	195.04	180.41	170.66	200.19	185.20	175.17
75 - 79	278.94	258.06	244.08	272.78	252.36	238.74
80 - 85	344.54	318.69	301.48	337.00	311.70	294.86

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.